

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN
KAWASAN : BAYAN BARU
TARIKH : 4.4.2016 (ISNIN)
NO. SOALAN : 443

YB TUAN SIM TZE TZIN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana Kerajaan masih boleh berpegang janji menurunkan harga kereta 20%-30%. Nyatakan semua kereta yang telah turun harga dan naik harga selepas PRU13.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan kekal komited terhadap manifestonya semasa Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) pada 6 April 2013 untuk menurunkan harga kenderaan secara berperingkat antara 20% - 30% menjelang tahun 2018.

Sehubungan itu, pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kerajaan termasuk pemberian insentif pengurangan jumlah duti eksais kepada syarikat-syarikat pengeluar kereta yang terlibat dalam aktiviti nilai tambah komponen automotif tempatan (*localisation*).

Insentif ini dilihat membuahkan hasil apabila jumlah pengurangan harga yang dicatat pada tahun 2013 adalah sebanyak 4.9%, seterusnya meningkat sebanyak 7% pada tahun 2014 dan kemudiannya sebanyak 2.7% pada tahun 2015.

Pelaksanaan Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 juga telah mewujudkan persaingan harga kenderaan yang lebih kompetitif di pasaran tempatan. Ini menyaksikan penurunan harga antara 9% - 29% bagi beberapa model kenderaan penumpang. Antara contoh model-model kenderaan yang telah mencatatkan penurunan harga adalah:

- PROTON Iriz: 3%
- PERODUA MyVi: 2%
- Honda Accord: 2%
- Renault Fluence: 5%
- Mercedes c 200 Avantgrade: 13%
- BMW X6: 5%

Sehingga ini, harga kenderaan telah turun secara purata sebanyak 12.2%, meliputi 80% kenderaan yang dijual di pasaran tempatan.

Manakala, untuk suku tahun pertama 2016, harga purata kereta telah meningkat sebanyak 2.5% disebabkan oleh kelemahan nilai mata wang Ringgit berbanding mata wang asing utama. Antara model-model kenderaan yang telah mencatatkan kenaikan harga kenderaan adalah:

- Toyota Vios: 3-4%
- Honda HR-V: 3%
- Lexus ES: 4%-6%